MODUL KURSUS KEMAHIRAN KERJA KES INDIVIDU, KUMPULAN DAN KOMUNITI

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

NOTA PENGAJAR

Modul:

PRAKTIS KERJA SOSIAL KUMPULAN

Topik 6:

PELAKSANAAN KERJA SOSIAL KUMPULAN

Pembangun Modul:

DR. NORALINA BINTI OMAR	Universiti Malaya

SINOPSIS MODUL

Pelaksanaan kerja sosial kumpulan merupakan proses kerja sosial kumpulan selepas memulakan kumpulan, membuat penaksiran serta perancangan. Peringkat pelaksanaan terbahagi kepada dua iaitu fasa permulaan dan pertengahan. Fasa permulaan melibatkan proses memulakan sesi dan penentuan situasi. Fasa pertengahan pula melibatkan melaksanakan pelan tindakan untuk mencapai matlamat.

HASIL PEMBELAJARAN

No	Di akhir sesi pembelajaran, para peserta akan berupaya:	Domain	Tahap
1	Menjelaskan proses pelaksanaan kerja sosial kumpulan	Kognitif	2
2	Membincangkan perkara-perkara yang terlibat dalam proses pelaksanaan kerja sosial kumpulan	Afektif	2

ISI KANDUNGAN PEMBELAJARAN

No	Tajuk	Topik Perbincangan	Kaedah Pengajaran
1	Pelaksanaan Kerja Sosial Kumpulan	1. Pengenalan 2. Fasa Permulaan 2.1.Memulakan sesi 2.2.Penentuan situasi 3. Fasa Pertengahan 3.1.Melaksanakan pelan tindakan untuk mencapai matlamat 4. Kesimpulan	Kuliah Latihan Dalam Kumpulan *Role-play*

KANDUNGAN MODUL

1. PENGENALAN

Pada peringkat pelaksanaan, semua perancangan yang telah dibincang dan ditetapkan di peringkat perancangan akan diambil tindakan. Peringkat ini boleh dibahagikan kepada 2 iaitu fasa permulaan dan pertengahan.

2. FASA PERMULAAN

Fasa permulaan melibatkan proses memulakan sesi dan penentuan situasi.

2.1. Memulakan sesi

Bagi memulakan sesi, pekerja sosial perlu:

- Memperkenalkan diri
- Menerangkan matlamat dan arah tuju kumpulan
- Membentuk norma kumpulan
- Mencari persamaan berhubung isu atau masalah dibincangkan ahli kumpulan supaya lebih mudah untuk membentuk sikap kekitaan
- Membantu ahli supaya merasa selesa

2.2. Penentuan situasi

Antara situasi yang sering dihadapi:

- Ahli ingin memulakan hubungan dengan pekerja sosial serta ahli kumpulan yang senasib dengan mereka, namun ragu-ragu dan masih kurang percaya
- Ahli ingin mendapatkan sokongan dan bantuan emosi, namun masih tidak tahu bagaimana
- Ahli takut kepada perkara-perkara yang tidak diketahui
- Ahli takut rahsia terbongkar
- Ahli mahu diterima oleh orang lain

Oleh itu, **peranan pekerja sosial** ialah untuk:

- Mengurangkan sikap kebergantungan dan mengarahkan perbincangan kepada ahli
- Terus membantu kumpulan
- Menilai apa yang akan berlaku dalam kumpulan
- Menilai setiap ahli dari segi sikap, kelakuan, motivasi, tujuan dan hubungan ahli antara satu sama lain

3. FASA PERTENGAHAN

Fasa pertengahan melibatkan melaksanakan pelan tindakan untuk mencapai matlamat.

3.1. Melaksanakan pelan tindakan untuk mencapai matlamat berikut:

- Ahli-ahli tidak lagi berfokus pada pekerja sosial tetapi pada ahli sesama sendiri
- Ahli kumpulan mula memahami sifat atau ciri-ciri yang ada dalam kalangan ahli
- Ada ahli yang lebih berpengaruh, sub kumpulan juga mungkin timbul
- Ahli sudah merasa selesa untuk mencurahkan perasaan atau pandangannya

Oleh itu, **peranan pekerja sosial** ialah untuk:

- Membantu ahli fokus kepada tujuan atau kembali kepada arah tuju sekiranya ia telah terpesong jauh
- Menyedari persamaan yang ada dalam kalangan ahli untuk mengukuhkan rasa kekitaan
- Membantu meningkatkan proses komunikasi dalam kalangan ahli
- Menyelesaikan konflik secepat mungkin

4. KESIMPULAN

Di fasa permulaan dan pertengahan, pekerja sosial perlu menyesuaikan cara pelaksanaan kerja dengan memainkan peranan-peranan yang berlainan mengikut situasi pada masa-masa tertentu. Pelaksanaan yang lancar ditentukan oleh kemahiran pekerja sosial dalam menjalankan aktiviti di fasa permulaan dan pertengahan kerja kumpulan.

RINGKASAN FAKTA PEMBELAJARAN

- Di peringkat pelaksanaan dalam proses bantuan kerja sosial kumpulan, terdapat dua fasa pembinaan kumpulan di sini iaitu fasa permulaan dan pertengahan.
- Di fasa permulaan dan pertengahan, terdapat situasi berlainan yang dihadapi oleh pekerja sosial.
- Di fasa permulaan dan pertengahan, pekerja sosial perlu menyesuaikan cara pelaksanaan kerja dengan memainkan peranan-peranan yang berlainan mengikut situasi pada masa tertentu.

CADANGAN AKTIVITI/KAJIAN KES

No	Jenis Bahan	Tajuk	Sumber
1	Kajian Kes	**Tajuk:** Pelaksanaan Aktiviti Kumpulan **Senario:** Pekerja sosial berada di dalam peringkat awal pembentukan kumpulan dan memantau kemesraan dalam kalangan ahli kumpulan. **Arahan:** Apakah yang perlu dilakukan sekiranya ada peserta di dalam kumpulan yang kurang melibatkan diri dalam perbincangan atau aktiviti? **Panduan Jawapan:** Pekerja sosial perlu menggunakan kemahiran komunikasi untuk menggalakkan peserta yang kurang terlibat untuk mengaktifkan diri.	Fail Penceramah

No	Jenis Bahan	Tajuk	Sumber
2	Kajian Kes	**Tajuk:** Pelaksanaan Aktiviti Kumpulan **Senario:** Pekerja sosial berada di dalam peringkat pelaksanaan aktiviti dan memantau perkembangan kumpulan. **Arahan:** Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat peserta kumpulan yang mendominasi peserta kumpulan yang lain? **Panduan Jawapan:** Pekerja sosial perlu menggunakan otoriti untuk mengawal situasi perbincangan agar tiada peserta yang terlalu mendominasi perbincangan/aktiviti sehingga menyebabkan peserta lain dipinggirkan.	Fail Penceramah
3	Kajian Kes	**Tajuk:** Pelaksanaan Aktiviti Kumpulan **Senario:** Pekerja sosial berada di dalam peringkat pelaksanaan aktiviti kumpulan dan memantau perkembangan kumpulan. **Arahan:** Bagaimana pekerja sosial perlu bertindak sekiranya wujud konflik di dalam kumpulan? **Panduan Jawapan:** Pekerja sosial perlu menguasai beberapa teknik pengurusan dan pengendalian konflik dalam kumpulan. Dengan cara sedemikian, pekerja sosial akan dapat mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya wujud konflik di dalam kumpulan.	Fail Penceramah

RUJUKAN

1. Brandler, S. & Roman, C.P. (2015). *Group Work: Skills and Strategies for Effective Intervention.* New York: Routledge.
2. Toseland, R.W. & Rivas, R.F. (2017). *Introduction to Group Work Practice (8th ed.)*. London: Pearson.
3. Zastrow, C. & Hessenauer, S. L. (2018). *Empowerment Series: Social Work with Groups: Comprehensive Practice and Self-Care*. Boston: Brooks/Cole.